

BAB 3

ISU-ISU BERBANGKIT DALAM SKIM WANG KHAIRAT KEMATIAN (SWKK)

3.1 Pengenalan

SWKK merupakan salah satu bentuk bantuan yang berbentuk tabungan secara bersama sesama ahli khairat. Bayaran yang dibuat secara bulanan ataupun tahunan mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan SWKK merupakan kaedah pembayaran yang tidak asing lagi dalam amalan ini. Sungguhpun begitu, mutakhir ini didapati bahawa kos pengurusan jenazah dilihat semakin meningkat sehingga boleh menyebabkan kesukaran dan kesulitan terhadap masyarakat khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk menyertainya (Azlan et al., 2022). Oleh itu, pengetahuan terhadap isu-isu yang berbangkit mengenai SWKK dari sudut perspektif ahli kariah dan masyarakat adalah wajar untuk didedahkan dengan sebaik mungkin supaya penambahbaikan dapat dilakukan. Dalam masa yang sama, perancangan untuk memperkasakan SWKK ke arah yang lebih cemerlang dan selari dengan dasar *Maqāṣid Shari'ah* dapat diwujudkan.

3.2 Dasar Tadbir urus SWKK

Bagi menyokong idea dan usaha kerajaan dalam membangun Malaysia Madani yang padanya terangkum konsep dan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan (Wartawan BH, 2023), maka konsep ini perlulah diterapkan dalam tadbir urus bagi menghasilkan pengurusan yang lebih komprehensif

dan holistik. Seajar dengan itu, sekiranya tadbir urus sesuatu perkara itu dapat dilaksanakan dengan baik, sudah pastinya ia akan dapat menatijahkan hasil yang menggalakkan dan memberangsangkan (Mahmood et al., 2017). Bertitik tolak daripada itu, tadbir urus yang baik ini perlu diterapkan dalam pengurusan SWKK dengan sebaik yang mungkin kerana ia melibatkan kutipan wang yang dibayar oleh ahli khairat kepada pihak pengurusan SWKK di institusi masjid. Sekiranya institusi masjid mampu mewujudkan sistem SWKK yang cemerlang, ia secara tidak langsung mampu menzahirkan kewibawaan dan kecekapan institusi masjid terhadap amanah dan kepercayaan yang diberi oleh masyarakat setempat dalam pengurusan kewangan bagi pengurusan ahli kariah yang telah meninggal dunia.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Aziz et al., (2019), penyelidik dalam kajian ini telah menyatakan bahawa elemen kepada pembentukan tadbir urus yang baik ialah melalui penekanan terhadap warga kerja, pematuhan undang-undang, ketelusan, responsif, kesepakatan, kesaksamaan hak, kecekapan dan keberkesanan, akauntabiliti serta pemikiran strategi keterhadapan. Kesemua elemen ini mampu menjadi sebuah dimensi yang lengkap bagi melahirkan satu pentadbiran dan pengurusan yang baik dan cemerlang. Oleh yang demikian, pengkaji telah melakukan kaedah tinjauan kaji selidik melalui 'Google Form' bagi mengumpulkan data mengenai isu-isu pengurusan SWKK yang memberi fokus di negeri Selangor.

3.3 SWKK menurut Perspektif Masyarakat

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), masyarakat ditakrifkan sebagai sebuah kumpulan manusia yang hidup secara bersama iaitu hidup di suatu tempat dengan adat dan cara tertentu yang terdiri daripada individu, keluarga dan kumpulan-

kumpulan kecil (Faridah Seli, 2014). Kepentingan kewujudan masyarakat dalam sesebuah negara adalah sangat jelas kerana masyarakat menyumbang kepada pembangunan sosial, politik, budaya dan ekonomi sesebuah negara (Valerie Forgeard, 2022). Oleh itu, di dalam bab ini pengkaji telah mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam tadbir urus SWKK di institusi masjid khususnya di sekitar negeri Selangor dan perbincangan dibuat dari sudut perspektif masyarakat. Kepentingan bab ini adalah untuk menilai dan mengukur tahap pelaksanaan SWKK dari sudut ahli kariah serta meneroka isu dan juga cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap amalan ini.

3.3.1 Bahagian Kaji Selidik

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik melalui platform 'Google Form'. Soalan selidik ini telah dijawab oleh seramai 385 responden yang terdiri daripada individu yang beragama Islam, berumur 20 tahun dan ke atas, dan responden merupakan penduduk di negeri Selangor. Soal selidik yang telah disediakan terdiri daripada dua bahagian besar, dan lima bahagian kecil iaitu:

i. Bahagian A: Demografi Responden

ii. Bahagian B: Isu-isu terhadap SWKK (terbahagi kepada empat (4)

tema)

a. Pengetahuan & Kefahaman SWKK


b. Kualiti Pengurusan SWKK

c. Bayaran dan Manfaat SWKK

d. Isu dan Cadangan terhadap SWKK

3.3.1.1 Bahagian A: Demografi Responden


Jumlah Bilangan Jantina



Rajah 3.1: Soalan 1

Data responden dalam Rajah 3.1 menunjukkan bahawa, kajian ini telah dijawab oleh 43.4% responden lelaki dan 56.6% responden wanita. Responden wanita merupakan responden majoriti dalam kajian ini kerana mempunyai peratusan yang paling tinggi.


Jumlah Bilangan Umur



Rajah 3.2: Soalan 2

Rajah 3.2 di atas menunjukkan data bagi umur responden yang telah menjawab soal selidik bagi kajian ini. Pengkaji telah membahagikan umur responden kepada tiga kategori iaitu kategori warga tua, dewasa dan belia. Kategori warga tua merupakan individu yang berumur sekitar 60 tahun dan ke atas yang mewakili peratusan sebanyak 8.1%. Kategori dewasa pula adalah individu yang berumur lingkungan 41 - 59 tahun yang mewakili peratusan sebanyak 27.5% dan kategori belia iaitu mereka yang berumur 20 – 40 tahun yang mewakili peratusan sebanyak 64.4%. Hasil keputusan mendapati bahawa, kategori belia merupakan responden tertinggi manakala kategori warga tua merupakan responden terendah yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.


Jumlah Bilangan Status Perkahwinan



Rajah 3.3: Soalan 3

Rajah 3.3 menunjukkan demografi bagi status perkahwinan responden. Seramai 42.9% merupakan responden yang berstatus bujang manakala seramai 55.3% lagi merupakan responden yang telah berkahwin. Selain itu, 1.3% merupakan responden yang berstatus ibu tunggal dan bakinya merupakan responden berstatus bapa tunggal.


Jumlah Bilangan Kedudukan dalam Institusi Kekeluargaan (keluarga anda)



Rajah 3.4: Soalan 4

Rajah 3.4 menunjukkan peratusan bagi kedudukan responden dalam institusi kekeluargaan yang terdiri kepada empat kategori iaitu anak, isteri, ibu dan suami. Bagi kategori anak, peratusan responden adalah sebanyak 43.4%. Manakala kategori isteri, peratusannya adalah sebanyak 27.8%, suami 27.3% dan ibu adalah sebanyak 1.0%. Ini menunjukkan, responden yang paling banyak menyumbang kepada pengumpulan data dalam kajian soal selidik ini ialah responden yang berada dalam kategori anak. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa, jumlah responden yang tertinggi merupakan individu yang masih ditanggung oleh kedua ibu dan bapa mereka.


Jumlah Bilangan Daerah



Rajah 3.5: Soalan 5'

Rajah 3.5 di atas menunjukkan bilangan peratusan responden mengikut pecahan daerah di negeri Selangor. Seramai 2.3% responden mewakili daerah Kuala Selangor, 7.0% mewakili daerah Klang, 4.4% mewakili daerah Hulu Selangor dan 13.2% mewakili daerah Hulu Langat. Seterusnya, 2.6% mewakili daerah Gombak, 8.1% mewakili daerah Petaling, 18.4% mewakili daerah Sepang dan 2.6% mewakili daerah Sabak Bernam. Akhir sekali, seramai 41.3% responden mewakili daerah Kuala Langat dan ia merupakan bilangan yang tertinggi berbanding daerah-daerah yang lain.


Jumlah Bilangan Kawasan



Rajah 3.6: Soalan 6

Rajah 3.6 merupakan rekod peratusan bagi demografi kawasan responden. Data menunjukkan bahawa, seramai 28.6% merupakan responden yang tinggal di kawasan separa bandar. Kemudiannya, seramai 33% merupakan responden yang tinggal di kawasan luar bandar dan akhir sekali seramai 38.4% merupakan responden yang tinggal di kawasan bandar. Rekod tersebut menunjukkan bahawa responden yang paling banyak menjawab kaji selidik ini adalah responden yang tinggal di kawasan bandar manakala responden dari kawasan luar bandar mempunyai keterlibatan yang paling rendah dalam kajian ini.


Jumlah Bilangan Jenis Pekerjaan



Rajah 3.7: Soalan 7

Rajah 3.7 di atas pula menunjukkan jenis-jenis pekerjaan yang diwakili oleh keseluruhan responden dalam kajian ini. Data responden yang paling tinggi ialah individu yang bekerja di bawah sektor swasta dengan peratusan sebanyak 30.9%. Seterusnya, individu yang berkerja di sektor kerajaan merupakan responden yang mewakili peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 22.6% dan pelajar mewakili responden ketiga tertinggi iaitu sebanyak 20.8%. Responden yang bekerja sendiri mewakili peratusan sebanyak 10.6%, pesara mewakili 9.4% dan suri rumah mewakili 3.1%. Baki daripada peratusan tersebut masing-masing mewakili pekerjaan di bawah sektor kerajaan negeri, MyStep, pelatih dalam kamar, penghantar makanan sepenuh masa dan lain-lain.

Jumlah Bilangan Pendapatan Bulanan




Rajah 3.8: Soalan 8

Demografi mengenai pendapatan bulanan di Rajah 3.8 menunjukkan bahawa, seramai 28.1% responden mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM1000 dan ke bawah. Seterusnya, 26% responden mempunyai pendapatan bulanan antara RM1001 sehingga RM 2000. 19.7% pula mempunyai pendapatan bulanan dalam lingkungan RM2001 sehingga RM 3000 dan akhir sekali responden yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3000 dan ke atas mewakili 26.2% responden dalam kaji selidik ini. Data menunjukkan bahawa kategori responden yang mempunyai pendapatan sebanyak RM1000 ke bawah merupakan kumpulan tertinggi kerana kebanyakan responden tersebut adalah anak dan juga pelajar yang masih di bawah tanggungan ibu dan bapa.

3.3.1.2 Bahagian B: Isu-isu terhadap SWKK

Bagi mendapatkan data yang bersifat menyeluruh, pengkaji telah membahagikan soalan kepada beberapa tema yang merangkumi tema berkaitan pengetahuan dan kefahaman SWKK, kualiti pengurusan SWKK, bayaran dan manfaat SWKK serta isu dan cadangan terhadap SWKK oleh ahli kariah. Tema pertama mempunyai enam soalan yang perlu dijawab oleh responden kajian, manakala bagi tema yang kedua, ketiga dan keempat, kesemuanya terdiri daripada empat soalan.

Tema 1: Pengetahuan dan Kefahaman SWKK




Rajah 3.9: Soalan 9

Rajah 3.9 di atas menunjukkan pengetahuan responden mengenai SWKK. Sebanyak 71 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai SWKK. Manakala, 284 orang responden yang lain menyatakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai SWKK. Akhir sekali, seramai 42 orang responden memberi respon bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap SWKK. Data menunjukkan bilangan 71 orang yang tidak

mempunyai pengetahuan mengenai SWKK ini majoritinya merupakan responden yang berumur antara 20-an sehingga 40-an. Manakala, bagi mereka yang berumur 40 ke atas kebanyakannya mempunyai pengetahuan mengenai SWKK.

Dari manakah anda mengetahui tentang SWKK?




Rajah 3.10: Soalan 10

Rajah 3.10 di atas menunjukkan tentang sumber pengetahuan SWKK yang diterima oleh responden. Seramai 45.7% menyatakan bahawa mereka mengetahui SWKK dari masjid. Seterusnya, seramai 34% menyatakan bahawa mereka mengetahui SWKK daripada kenalan dan orang sekeliling. Kemudiannya, seramai 10.6% menyatakan bahawa mereka tidak pernah dengar akan perihal SWKK. Seramai 6.5% pula menyatakan bahawa mereka mengetahui SWKK melalui media sosial. Baki peratusan daripada rajah di atas menunjukkan bahawa responden mengetahui SWKK dari selain daripada tiga sumber di atas. Antaranya seperti, ceramah dan radio, pengendali tabung khairat kematian, institusi pengajian tinggi dan surau.

Hasil keputusan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peranan masjid dalam menyebarkan tentang kepentingan SWKK adalah tinggi dan berkesan. Selain itu, pengkaji melihat bahawa salah satu usaha yang boleh dilakukan bagi memantapkan promosi terhadap SWKK ini ialah melalui pemerksaan dari sudut hebahan dan pengiklanan di media sosial seiring peredaran zaman yang semakin moden dan mengikut arus teknologi. Oleh yang demikian, pemerksaan SWKK di media sosial dari pihak institusi masjid adalah wajar untuk dilakukan bagi menarik minat masyarakat awam untuk mengetahui perihal SWKK secara menyeluruh.

UNIVERSITI SAINS ISLAM
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Adakah SWKK merupakan bantuan pengurusan jenazah yang diuruskan oleh masjid?



Rajah 3.11: Soalan 11

Soalan mengenai kefahaman terhadap SWKK telah pun diajukan oleh pengkaji dan keputusannya ditunjukkan dalam Rajah 3.11. Hasil keputusan mendapati bahawa sebanyak 83.1% responden bersetuju bahawa SWKK merupakan bantuan yang diberikan oleh pihak masjid dalam menguruskan jenazah. Manakala sebanyak 15.3% responden yang lain menyatakan bahawa mereka tidak tahu akan status kenyataan berikut.

Majoriti responden yang bersetuju dengan kenyataan di atas adalah mereka yang mempunyai pengetahuan terhadap pelaksanaan SWKK manakala bagi responden yang tidak tahu akan kenyataan di atas adalah mereka yang tidak mempunyai pengetahuan tentang SWKK.

Adakah SWKK ini merupakan tabungan yang berteraskan konsep saling membantu sesama masyarakat?




Rajah 3.12: Soalan 12

Rajah 3.12 di atas juga merupakan soalan mengenai kefahaman responden terhadap SWKK. Seramai 87.8% responden percaya bahawa SWKK ini merupakan amalan yang berasaskan konsep bantu-membantu sesama masyarakat Muslim, manakala 12.2% yang lain mengatakan bahawa mereka tidak tahu akan kenyataan di atas.

Berdasarkan keputusan di atas, data menunjukkan bahawa majoriti responden jelas, faham serta bersetuju bahawa amalan SWKK ini didasari oleh idea murni yang melibatkan semangat kerjasama antara masyarakat dalam pengurusan jenazah. Manakala, bagi minoriti responden yang tidak tahu akan fakta ini adalah kerana mereka masih belum jelas dan memahami objektif amalan SWKK.


Pada pendapat anda, apakah kepentingan menyertai SWKK?



Rajah 3.13: Soalan 13

Rajah berikutnya pula mengenai kepentingan menyertai SWKK. Seramai 32.3% responden menjawab bahawa mereka tidak tahu akan kepentingan SWKK, manakala bakinya iaitu seramai 67.7% responden masing-masing menyatakan bahawa kepentingan menyertai SWKK adalah untuk membantu pengurusan jenazah, tolong-menolong sesama masyarakat dan dapat menyegerakan pengurusan jenazah. Maka, jelas di sini bahawa majoriti responden bersetuju bahawa SWKK ini merupakan salah satu amalan mulia yang sesuai diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat dengan membantu memudahkan pengurusan jenazah sesama Muslim.

Sudah berapa lamakah anda menyertai SWKK?



Rajah 3.14: Soalan 14

Rajah 3.14 di atas menunjukkan data terhadap tempoh penyertaan responden dalam SWKK. Seramai 180 responden merupakan individu yang tiada pengalaman dalam SWKK. 60 responden yang lain pula mempunyai pengalaman dalam SWKK selama tiga tahun dan ke bawah. 46 responden juga telah berpengalaman dalam menyertai SWKK selama empat hingga tujuh tahun dan 59 responden serta 40 responden masing-masing mengatakan bahawa mereka telah menyertai SWKK selama 10 tahun ke atas dan lapan hingga 10 tahun. Ini menunjukkan jumlah keseluruhan bagi bilangan responden yang menyertai SWKK adalah seramai 205 orang. Data menunjukkan bahawa mereka yang tidak menyertai SWKK ini adalah disebabkan beberapa faktor iaitu tiada pengetahuan mengenai SWKK, merupakan ahli tanggungan keluarga dan tidak berminat atau tidak bersedia untuk memberi komitmen dalam SWKK.

Tema 2: Kualiti Pengurusan SWKK

Adakah sukar untuk menghubungi/berurusan dengan pihak khairat kematian sekiranya berlaku kematian?



Rajah 3.15: Soalan 15

Berikut merupakan rekod peratusan bagi soalan mengenai kesukaran ahli kariah dalam menghubungi pihak khairat kematian apabila berlakunya kematian. Sebanyak 41% responden menyatakan bahawa mereka mudah untuk menghubungi pihak SWKK. Seterusnya seramai 1.6% pula menyatakan bahawa mereka mempunyai kesukaran dalam menghubungi pihak SWKK dan seramai 57.4% merupakan responden yang tiada pengalaman bagi situasi ini. Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pihak institusi masjid dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya dari sudut penerimaan dan capaian panggilan mengenai kematian. Meskipun hanya melibatkan segelintir masjid, namun isu ini perlu

diambil serius oleh seluruh institusi masjid bagi merealisasikan pengurusan SWKK yang cemerlang dan berkesan.

Berapa lamakah masa yang diambil oleh pihak khairat kematian untuk mula menguruskan jenazah?




Rajah 3.16: Soalan 16


Rajah 3.16 menunjukkan rekod bagi masa yang diambil oleh pihak khairat kematian untuk mula menguruskan jenazah. Berdasarkan soal selidik yang diberikan, pengkaji telah mengkategorikan kepada empat bahagian besar iaitu bahagian pertama kategori cepat; 1-2 jam dan 3-4 jam. Bahagian kedua, kategori sederhana; 5-6 jam. Bahagian ketiga, kategori lambat; lebih dari 6 jam dan akhir sekali tiada pengalaman. Keputusan menunjukkan bahawa sebanyak 27% dan 14.8% menyatakan bahawa tempoh masa yang diambil adalah cepat iaitu antara 1 hingga 2 jam dan 3 hingga 4 jam. Seterusnya, 1.6% responden mewakili tempoh masa sederhana iaitu selama 5-6 jam.

Seterusnya, bagi tempoh yang paling lambat iaitu lebih dari 6 jam mewakili peratusan responden sebanyak 0.8%. Akhir sekali, majoriti responden iaitu sebanyak 55.8% merupakan individu yang tiada pengalaman dalam menguruskan situasi ini. Data di atas menunjukkan bahawa masih terdapat isu terhadap kelewatan dalam menguruskan jenazah sehingga mengambil masa lebih dari 6 jam dan perkara ini perlu diambil berat oleh pihak institusi masjid. Hal ini kerana, kecekapan pengurusan daripada pihak institusi masjid akan menzahirkan tahap kewibawaan organisasi pengurusan masjid sekali gus membawa imej agama Islam sama ada berada di tahap yang tinggi ataupun sebaliknya.

UNIVERSITI SAINS ISLAM
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Rajah 3.17: Soalan 17



Rajah 3.18: Soalan 18

Tahap pengurusan jenazah serta tahap kutipan dan agihan SWKK telah menjadi kayu ukur bagi pengkaji dalam menilai kecekapan pengurusan SWKK yang diuruskan oleh pihak institusi masjid. Bagi keputusan terhadap tahap pengurusan jenazah oleh pihak khairat kematian seperti di dalam Rajah 3.17 menunjukkan bahawa, seramai 170 responden menyatakan pengurusan jenazah yang diuruskan oleh pihak khairat kematian

mencapai tahap yang cemerlang. Seterusnya, seramai tiga responden menyatakan pengurusan jenazah yang diuruskan oleh pihak pengurusan SWKK adalah tidak cemerlang dan bakinya merupakan mereka yang tiada pengalaman dalam situasi ini.

Keputusan bagi tahap pengurusan kutipan dan agihan SWKK seperti di dalam Rajah 3.18 pula ialah seramai 206 responden yang menjawab bahawa pengurusan kutipan dan agihan SWKK adalah cemerlang manakala seramai tujuh responden yang lain menyatakan bahawa ia tidak cemerlang dan baki daripada jumlah keseluruhan menyatakan bahawa mereka tiada pengalaman dalam penyertaan SWKK.

Data menunjukkan keputusan yang memuaskan terhadap penilaian pengurusan bagi kedua-dua soalan ini. Meskipun begitu, terdapat isu-isu terpencil yang perlu diperbaiki kerana masih terdapat sejumlah kecil bilangan responden yang menyatakan bahawa pengurusan jenazah serta pengurusan kutipan dan agihan SWKK berada pada tahap yang tidak cemerlang. Secara tidak langsung, ia menunjukkan tahap profesionalism sesebuah institusi masjid dalam aspek pengurusan yang akhirnya akan membawa kepada keyakinan peserta sama ada hendak kekal menyertai SWKK ataupun sebaliknya.

Tema 3: Bayaran dan Manfaat SWKK


Seberapa kerapkah anda melakukan bayaran/caruman SWKK?



Rajah 3.19: Soalan 19

Rajah 3.19 menunjukkan data mengenai kekerapan bayaran SWKK yang dilakukan oleh ahli kariah. Sebanyak 46.5% menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengalaman dalam urusan bayaran SWKK. Kebanyakan responden yang menyertai SWKK membuat bayaran setahun sekali dengan kadar peratusan mencapai 48.1%, manakala seramai 2.9% responden melakukan pembayaran SWKK sebulan sekali. Seterusnya, baki daripada peratusan di atas ialah bagi responden yang melakukan bayaran sebanyak dua kali setahun, bayaran apabila berlakunya kematian dan juga percuma iaitu tiada bayaran dikenakan. Ini menunjukkan bahawa kekerapan bayaran komitmen SWKK ini adalah bergantung kepada keputusan pihak pengurusan khairat kematian bagi sesebuah masjid dan tidak sama dari satu tempat ke tempat yang lain.

Berapakah nilai bayaran/caruman SWKK yang perlu anda selesaikan?




Rajah 3.20: Soalan 20

Rajah 3.20 menunjukkan data bagi kadar nilai bayaran yang dikenakan terhadap ahli kariah dalam SWKK. Sebanyak 44.2% responden merupakan individu yang tiada pengalaman dalam melakukan transaksi bayaran SWKK. 2.1% responden menyatakan bahawa kadar bayaran SWKK adalah bawah daripada RM10. Seterusnya, 26.5% responden menyatakan bahawa mereka melakukan bayaran SWKK antara RM10-RM40. 22.9% responden yang lain menyatakan bahawa bayaran SWKK adalah antara RM41-RM70. 3.4% responden menjawab nilai bayaran SWKK di kawasan mereka adalah antara RM71-RM100 dan yang terakhir adalah seramai 1.0% responden menyatakan nilai bayaran SWKK adalah lebih daripada RM100.

Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa majoriti kadar nilai bayaran yang perlu dibayar oleh ahli kariah dalam SWKK adalah relevan iaitu sebanyak RM70 ke bawah. Walau bagaimanapun, masih ada nilai bayaran yang dilihat agak tinggi iaitu

nilai yang melebihi RM71 dan ke atas. Namun begitu, kadar nilai bayaran ini dilihat perlu dikaji dan dinilai semula oleh pihak yang berkenaan bagi memastikan ketetapan kadar yang diputuskan oleh setiap masjid adalah berpatutan dan tidak membebankan.

Adakah anda mempunyai kekangan dalam membayar caruman/yuran SWKK?



Rajah 3.21: Soalan 21

Rajah 3.21 di atas adalah keputusan berkaitan soalan kekangan yang dihadapi oleh ahli kariah dalam membuat pembayaran SWKK. 40.3% individu menjawab bahawa mereka tiada pengalaman mengenai SWKK. Seterusnya, sebanyak 58.4% responden yang menyertai SWKK menyatakan bahawa mereka tiada masalah dalam melunaskan bayaran komitmen SWKK. Manakala terdapat seramai 1.3% pula menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah dan kekangan dalam membuat bayaran komitmen SWKK. Pengkaji melihat bahawa pihak pengurusan khairat kematian perlu sentiasa cakna dan peka dengan keadaan peserta khairat kematian.

Lebih-lebih lagi apabila ada di antara mereka yang lambat melakukan bayaran komitmen sama ada secara bulanan ataupun tahunan seterusnya prihatin dalam mendapatkan informasi terkini mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka serta membantu dalam menyediakan solusi yang terbaik bagi menanganinya.

Adakah terdapat manfaat tambahan daripada pihak khairat kematian selain daripada perkhidmatan pengurusan jenazah?



Rajah 3.22: Soalan 22

Rajah di atas ini merupakan data mengenai manfaat tambahan yang diterima oleh ahli kariah dalam penyertaan SWKK. Seramai 63.9% merupakan individu yang tiada pengalaman dalam SWKK dan juga tiada pengalaman terhadap kematian ahli keluarga, manakala peratusan selain daripada individu yang tiada pengalaman ini merupakan individu yang mempunyai pengalaman dalam kematian ahli keluarga.

Selain daripada bantuan pengurusan jenazah yang menjadi objektif utama SWKK,

sebanyak 7.3% responden menyatakan bahawa mereka mendapat manfaat tambahan seperti wang ihsan atau wang saguhati kepada ahli waris.

Kemudian, sebanyak 0.5% menyatakan ada manfaat tambahan yang diterima namun tidak memberi contoh yang spesifik terhadap manfaat tersebut. Akhir sekali, pecahan baki yang kecil di dalam data di Rajah 3.22 mewakili jawapan berikut:


- i. Makanan;
- ii. Pengurusan kubur;
- iii. Majlis tahlil dan;
- iv. Perkhidmatan badal haji bagi jenazah yang telah meninggal dunia.

Data di atas menunjukkan antara kekreatifan dan kemampuan pihak masjid dalam memberi manfaat tambahan kepada peserta khairat kematian berdasarkan kecukupan kewangan masing-masing. Pengkaji melihat bahawa usaha dalam memberi manfaat tambahan ini dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat dalam menyertai SWKK sebagai persediaan menghadapi kematian bagi diri sendiri ataupun ahli keluarga dengan menyediakan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lengkap di kemudian hari.

Tema 4: Isu dan Cadangan Penambahbaikan menurut Ahli Kariah


Adakah terdapat isu-isu SWKK yang anda (sebagai ahli kariah) pernah alami?

Contoh: isu kutipan dan agihan atau lain-lain



Rajah 3.23: Soalan 23

Berdasarkan rajah di atas, peratusan bagi responden yang menjawab “tiada pengalaman dalam SWKK” adalah sebanyak 55% iaitu mewakili 208 orang. Tiada pengalaman yang dimaksudkan di sini ialah individu berkenaan tidak menyertai SWKK, manakala bagi responden yang menjawab tiada isu dalam pengurusan SWKK adalah sebanyak 37.6% yang mewakili 142 orang. Baki responden daripada kedua-dua peratusan ini telah menyatakan isu terhadap SWKK yang dialami oleh ahli kariah. Pengkaji telah menganalisis dengan melakukan proses saringan terhadap jawapan yang diberikan oleh responden. Data bagi isu-isu yang telah dikemukakan oleh responden tersebut telah diklasifikasikan mengikut beberapa kategori. Kategori dan data-data yang dimaksudkan adalah seperti berikut:



Rajah 3.24: Isu-isu SWKK

Isu Pertama: Bayaran

Isu bayaran merupakan isu yang paling banyak dinyatakan oleh responden dalam soalan kaji selidik. Antaranya ialah seperti berikut:

- a) Kadang-kadang ahli terlupa untuk membuat bayaran;
- b) Lewat bayar;
- c) Culas untuk membuat pembayaran;
- d) Tiada yang mengingatkan dan memungut kutipan khairat secara individu;
- e) Walaupun menggunakan sistem *online* e-khairat, masih terdapat juga ahli yang terlupa untuk membayar caruman setiap tahun dan;
- f) Bayaran bagi jenazah yang bukan ahli khairat.

Antara isu bayaran yang telah dinyatakan oleh ahli kariah yang menyertai SWKK ialah mengenai kelewatan bayaran yang dilakukan oleh ahli khairat khususnya kerana terlupa meskipun telah menggunakan sistem *online* apatah lagi bagi mereka yang tidak menggunakan sistem berkenaan. Selain itu, bayaran bagi jenazah yang tidak menjadi ahli SWKK juga turut menjadi isu dan dilihat perlu dipertimbangkan untuk mencapai keputusan yang terbaik dan tidak berat sebelah.

Isu Kedua: Kutipan

Kutipan ialah proses memungut wang yang perlu dibayar oleh peserta SWKK mengikut kekerapan yang telah ditentukan oleh pihak masjid. Berikut merupakan isu berkaitan kutipan yang telah dinyatakan oleh reseponden di dalam soal selidik:

- a) Buat sistem '*online*';
- b) Tidak dimasukkan ke dalam sistem walaupun sudah lakukan pembayaran;
- c) Sistem tidak memuaskan;
- d) Duit tidak digunakan dengan sebaiknya;
- e) Kekurangan dana;
- f) Kutipan tidak menyeluruh dan;
- g) Kutipan kurang daripada sepatutnya.

Bagi isu kutipan pula, majoriti responden yang menjadi ahli SWKK mencadangkan supaya sistem kutipan dapat ditambah baik bagi melancarkan proses pengurusan SWKK dan secara tidak langsung mampu memberi manfaat kepada ahli

SWKK dan juga pihak pengurusan SWKK. Seterusnya, isu kekurangan dana, kutipan tidak menyeluruh dan kutipan kurang daripada sepatutnya juga seharusnya ditangani supaya peruntukan dana terhadap pengurusan jenazah adalah mencukupi dan tidak mendatangkan masalah pada waktu kejadian.

Isu Ketiga: Agihan

Agihan manfaat terhadap peserta SWKK terdiri daripada manfaat utama iaitu bantuan pengurusan jenazah yang merangkumi proses mandi, kafan, solat dan pengebumian. Terdapat isu mengenai agihan manfaat yang perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan SWKK iaitu:

- a) Masa yang diambil untuk terima khairat kematian agak lama.

Pengkaji juga melihat bahawa, terdapat juga aduan responden terhadap isu agihan iaitu melibatkan tempoh masa yang agak lama dalam penerimaan bantuan pengurusan jenazah berikutan pengurusan masjid yang tidak teratur.

Isu Keempat: Hebahan

Hebahan ialah pengumuman terhadap sesuatu perkara. Dalam konteks SWKK, terdapat beberapa perkara yang telah diketengahkan oleh responden iaitu:

- a) Pihak bendahari tidak melakukan penyata kewangan secara berkala.
- b) Tiada sebaran berita (pengumuman) terhadap kematian secara menyeluruh kepada ahli kariah.

Isu keempat ialah isu mengenai hebahan SWKK khususnya dari sudut hebahan terhadap penyata kewangan SWKK secara berkala. Ini kerana, dengan adanya hebahan

terhadap penyata kewangan, ahli SWKK akan lebih yakin dan percaya terhadap pengurusan kewangan SWKK yang diuruskan oleh pihak institusi masjid. Selain itu, tiada sebaran berita dan pengumuman terhadap profil jenazah dilakukan seperti tiada pemberitahuan terhadap maklumat peribadi jenazah (arwah) dan juga tiada data kematian ditunjukkan kepada ahli kariah seperti nama, alamat, tempat kerja dan lain-lain yang dirasakan sesuai. Pengumuman terhadap profil jenazah dilihat sangat perlu supaya masyarakat memperoleh maklumat yang jelas dan prihatin terhadap keluarga waris.


Isu Kelima: Promosi

Promosi terhadap pengetahuan SWKK juga turut menjadi isu yang agak popular yang diperkatakan oleh pihak responden dalam kaji selidik iaitu:

- a) Sukar untuk memberi kefahaman kepada jemaah tentang kepentingan SWKK.
- b) Terdapat juga ahli kariah yang tidak faham akan fungsi SWKK.


Akhir sekali, berdasarkan kepada hasil soal selidik yang telah diberikan, isu promosi merupakan isu yang tidak boleh diketepikan dan diambil ringan kerana kebanyakan responden yang tidak mengetahui mengenai SWKK adalah individu dalam kategori belia. Adapun bagi individu dewasa dan warga tua, rata-rata mereka mengetahui maklumat berkaitan SWKK di masjid. Oleh yang demikian, secara rasionalnya jika seseorang individu jarang hadir ke masjid, berkemungkinan besar maklumat mengenai SWKK sukar untuk sampai kepada mereka sehingga menyebabkan masih ada lagi individu yang tidak mengetahui akan keperluan SWKK lebih-lebih lagi terhadap golongan belia dan wanita.

Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian anda, apakah cadangan penambahbaikan terhadap pihak masjid kariah bagi mengukuhkan sistem pengurusan SWKK?



Rajah 3.25: Soalan 24

Rajah di atas menunjukkan peratusan bagi responden yang menjawab “tiada pengalaman dalam SWKK” iaitu sebanyak 44.2% bersamaan 161 orang. Manakala, bagi responden yang menjawab tiada isu adalah sebanyak 34.3% bersamaan 125 orang. Baki responden daripada kedua-dua peratusan ini telah mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pihak masjid dalam mengatasi kelemahan dan cabaran yang timbul dalam pengurusan SWKK. Sebagaimana soalan sebelum ini, pengkaji telah menganalisis dengan melakukan proses saringan terhadap jawapan yang diberikan oleh responden. Kategori bagi cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh responden hampir kesemuanya adalah sama dengan kategori isu yang telah dianalisis oleh pengkaji terhadap soalan sebelum ini. Walau bagaimanapun, terdapat satu kategori yang dilihat sedikit berbeza iaitu dari sudut pengurusan. Kategori dan data-data yang dimaksudkan adalah seperti berikut:



Rajah 3.26: Cadangan penambahbaikan SWKK

Aspek Pertama: Pengurusan

Aspek pengurusan merupakan aspek utama yang dinilai untuk menghasilkan tadbir urus yang baik bagi sesebuah organisasi. Oleh itu, antara ciri khusus terhadap pengurusan tadbir urus yang baik ialah penggerak organisasi tersebut perlulah melaksanakan amanah yang diberikan dengan telus, berakuntabiliti dan berhemat (Nikky Charloutee, 2014). Kenyataan ini selari dengan cadangan yang telah diberikan oleh responden dalam borang soal selidik iaitu:

- a) Lantik individu bertanggungjawab;
- b) Ditadbir urus oleh orang yang cekap dan amanah;
- c) Wujudkan jawatankuasa yang berasingan dengan jawatankuasa masjid.
Tetapi masih di bawah pemantauan pihak masjid dan;
- d) Berikan elaun kepada jawatankuasa yang menguruskan jenazah.

Terdapat beberapa cadangan mengenai penambahbaikan terhadap SWKK telah dikemukakan oleh ahli kariah. Pertama, dari aspek pengurusan pihak SWKK. Pihak pengurusan yang berkaitan hendaklah melantik individu yang bertanggungjawab iaitu diyakini mampu menjalankan tugas dengan cekap dan amanah. Kedua, menubuhkan ahli jawatankuasa pengurusan SWKK yang khas dan tersendiri. Tujuan penubuhan ini dicadangkan supaya skop kerja berasingan dengan ahli jawatankuasa masjid tetapi masih di bawah pemantauan pihak masjid. Ketiga, pemberian elaun kepada ahli jawatankuasa SWKK adalah diharapkan sebagai motivasi terhadap mereka dalam melakukan pekerjaan tersebut.

Aspek Kedua: Sistem

Sistem digital atau nama lainnya ialah sistem teknologi maklumat telah menjadi satu keperluan bagi tadbir urus yang berkualiti. Ini kerana, ia dapat membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti individu serta mampu mengurangkan kos pengurusan (Aziz, 2016). Oleh itu, kecaknaan responden terhadap penubuhan sistem *online* mendapat perhatian yang banyak melalui cadangan-cadangan berikut:

- a) Membangunkan portal SWKK bagi tujuan pembayaran yuran;
- b) Sistem melalui '*apps*' kepada semua peserta;
- c) Menggunakan aplikasi web untuk tabung khairat kematian;
- d) Membangunkan sebuah sistem digital yang mesra pengguna;
- e) Pembayaran menggunakan FPX dengan menggunakan sistem *auto deduct*. Ia perlulah menggunakan '*3rd party apps*' untuk dihubungkan dgn sistem SWKK;
- f) Pangkalan data '*online*';
- g) Tambah baik dari segi pengurusan kewangan dan sistem keahlian dan;

h) Gunakan akaun bank komuniti.

Cadangan bagi aspek seterusnya pula ialah penambahbaikan terhadap sistem SWKK yang rata-ratanya masih menggunakan sistem secara manual sama ada dari sudut rekod keahlian dan juga bayaran. Portal ataupun laman web khas bagi SWKK dilihat relevan dan sesuai untuk dibangunkan seiring teknologi yang berkembang pesat. Ini supaya segala rekod dan transaksi dapat dilakukan dengan mudah dan pantas selain dapat disimpan dengan lebih selamat dalam pangkalan data maya. Cadangan seterusnya pula ialah mencadangkan kepada pihak pengurusan SWKK untuk mempertimbangkan penggunaan akaun bank komuniti dalam pengurusan SWKK.

Aspek Ketiga: Kutipan

Terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi oleh pihak institusi masjid dalam mengurus SWKK. Antaranya ialah cabaran dalam menguruskan dana secara profesional supaya dapat mengimbangi kerugian atau kekurangan dana serta dapat menampung atau memberi bantuan kepada ahli yang kurang berkemampuan (Firdaus & Dewi, 2019). Berikut merupakan cadangan yang dapat dikumpul oleh pengkaji daripada hasil soal kaji selidik bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan SWKK iaitu:

- a) Meneliti jumlah ahli kariah dengan lebih tepat untuk memudahkan urusan pengutipan SWKK;
- b) Kutipan rumah ke rumah harus dilaksanakan agar tidak terlepas pandang dalam membuat kutipan yuran terhadap ahli kariah;

- c) Mesyuarat tahunan harus diadakan bagi melancarkan kutipan dan agihan kerana lantikan dibuat tanpa pengetahuan ahli kariah. Tiada info mengenai cara pembayaran dan agihan dibuat;
- d) Pihak masjid juga perlu mengemaskini caruman peserta khairat dan memaklumkan rekod tersebut dengan lebih kerap dan efisien;
- e) Laporan kewangan direkod berasingan dengan tabung-tabung yang ada dalam akaun masjid;
- f) Gunakan skim bayaran setahun sekali dan terendah untuk RM25/sekeluarga;
- g) Mewujudkan satu kaunter khas untuk sebarang urusan;
- h) Mengambil kira ahli kariah yang tiada kemampuan untuk membayar SWKK.

Dari aspek kutipan pula, pihak pengurusan SWKK diminta untuk meneliti dan melakukan semakan semula terhadap jumlah ahli kariah dari semasa ke semasa berikutan bilangan jumlah penduduk yang boleh berubah-ubah disebabkan perpindahan dan lain-lain bagi memudahkan urusan perekodan data. Kemudian, kaedah kutipan dari rumah ke rumah dipercayai dapat membantu mengatasi isu terlepas pandang oleh ahli kariah dalam melakukan bayaran SWKK. Di samping itu, mesyuarat tahunan yang dilakukan oleh pihak pengurusan SWKK juga perlulah melibatkan ahli kariah dan peserta SWKK bagi memastikan tiada jemaah yang terlepas maklumat penting seperti maklumat mengenai cara pembayaran dan agihan dilakukan.

Tambahan pula, laporan rekod kewangan SWKK disarankan supaya berasingan daripada tabung-tabung masjid yang lain bagi memastikan pengurusan kewangan lebih teratur dan tidak berlaku ketirisan. Seterusnya, terdapat cadangan untuk mewujudkan skim yang hanya memerlukan kepada bayaran serendah RM25 setahun bagi satu keluarga. Selain itu, responden kajian turut mencadangkan supaya kaunter khas

berkaitan SWKK di setiap masjid dapat diwujudkan agar memudahkan ahli kariah untuk berurusan.

Akhir sekali, pihak pengurusan SWKK juga perlu memikirkan cara yang terbaik bagi membantu ahli kariah yang tidak mampu menyertai dan membayar SWKK. Bagi cadangan ini, berdasarkan kepada hasil temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji, usaha dalam membantu ahli kariah yang tidak berkemampuan telah pun dilaksanakan oleh kebanyakan masjid. Sebagai contoh, Masjid Kg. Sg. Lang Baru, Banting akan menanggung bayaran penuh bagi kos pengurusan jenazah kepada keluarga yang tidak berkemampuan begitu juga dengan Masjid Kota Damansara, Petaling Jaya dan juga Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya. Seterusnya, bagi Masjid Jamek Ar-Rahimiah, Klang, pihak pengurusan masjid akan meminta ahli waris membayar kos pengurusan mengikut kemampuan mereka.

Masjid Alam Impian, Shah Alam pula akan memaklumkan kepada ahli waris yang kurang berkemampuan untuk membuat 'surat tunjuk sebab' dan dihantar kepada pengurusan masjid bagi mendapatkan bantuan kos pengurusan jenazah. Situasi yang hampir sama juga dilakukan oleh pihak Masjid UPM, Serdang iaitu jika adanya pihak yang kurang berkemampuan dalam menguruskan kos jenazah, pihak masjid akan mempertimbangkan usaha untuk memberi dana khusus kepada golongan tersebut. Oleh itu, usaha dan kaedah ini dilihat wajar untuk diamalkan kepada setiap masjid khususnya di negeri Selangor.

Aspek Keempat: Agihan

Aspek agihan ialah proses memberi manfaat SWKK kepada peserta SWKK. Terdapat beberapa cadangan terhadap penambahbaikan proses agihan SWKK yang telah diberikan oleh responden seperti berikut:

- a) Pihak pengurusan perlulah melampirkan resit kepada ahli kariah yang telah berjaya diurus supaya ahli kariah mengetahui kos-kos pengurusan jenazah secara terperinci;
- b) Gugurkan syarat iaitu sekurang-kurangnya empat bulan untuk buat tuntutan setelah menjadi ahli;
- c) Wujudkan tabungan khas;
- d) Saguhati kepada keluarga dinaikkan dan;
- e) Melaburkan duit didalam tabung sebagai koperasi.

Antara cadangan bagi aspek keempat ialah pihak pengurusan SWKK disarankan untuk menunjukkan dan melampirkan resit kepada keluarga ahli waris bagi setiap kos pengurusan jenazah secara terperinci seperti kos barang keperluan jenazah, kos upah penggali kubur dan lain-lain. Selain itu, responden kajian juga turut mencadangkan supaya syarat terhadap tempoh dalam melakukan tuntutan SWKK digugurkan. Seterusnya, tabungan khas bagi SWKK dilihat perlu diwujudkan bagi membantu menampung kekurangan kewangan SWKK ataupun boleh dijadikan sebagai sumber bantuan kewangan kepada ahli waris yang memerlukan.

Tambahan itu, agihan terhadap saguhati kepada keluarga jenazah juga disarankan agar dapat dinaikkan kadarnya daripada sebelum ini. Akhir sekali, pelaburan kewangan ke dalam koperasi turut dicadangkan oleh pihak responden agar dapat membantu meningkatkan manfaat SWKK dan akhirnya manfaat tersebut akan

disalurkan kepada peserta SWKK melalui keuntungan yang diperoleh oleh pihak pengurusan.

Aspek Kelima: Hebahan

Hukum menghebahkan kematian seseorang adalah sunat kerana dengan cara ini, peluang kepada orang ramai untuk sama-sama mendoakan jenazah adalah tinggi (t.p. 2004). Seterusnya, hebahan terhadap perkara yang benar dan sah juga adalah perlu untuk dilaksanakan seperti pendedahan terhadap maklumat perakaunan zakat (Sawandi et al., 2020). Seajar dengan itu, makluman dan hebahan terhadap laporan kewangan SWKK wajar dilakukan berdasarkan kenyataan di atas. Berikut merupakan cadangan responden dari sudut hebahan, antaranya ialah:

- a) Hebahan yang jelas terhadap profil diri jenazah dan maklumat tahunan kematian perlu ditunjukkan kepada ahli;
- b) Pihak masjid perlu mengemaskini caruman peserta khairat dan memaklumkan rekod tersebut dengan lebih kerap dan efisien;
- c) Mewujudkan group 'whatsapp' untuk ahli kariah masjid dan;
- d) Institusi masjid dan surau perlu jadi penghubung terhadap berita kematian.

Aspek hebahan merupakan aspek yang dilihat penting dan terdapat beberapa cadangan yang telah diberikan oleh ahli kariah terhadap aspek ini. Antaranya ialah hebahan yang jelas dari sudut profil diri jenazah dan maklumat tahun kematian perlu dilakukan. Hebahan ini perlu supaya ahli kariah dapat mengetahui butiran maklumat penerima manfaat SWKK. Seterusnya, pemakluman terhadap rekod kewangan SWKK dengan lebih kerap dan efisien kepada ahli kariah juga turut diusulkan. Tambahan itu, penubuhan kumpulan di media sosial juga menjadi keperluan agar segala maklumat

dapat disampaikan kepada semua ahli kariah dengan lebih pantas dan menyeluruh. Akhir sekali, pihak institusi masjid dan surau perlu menjadi penghubung kepada berita kematian ahli kariah supaya dalam masa yang sama dapat memberi kesedaran dan peringatan kepada ahli kariah tentang hakikat kematian.

Aspek Keenam: Promosi

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), pengiklanan ialah satu tindakan memperkenalkan sesuatu kepada umum melalui pelbagai pendekatan seperti radio, televisyen, surat khabar, media massa dan lain-lain. Manakala, promosi pula bermaksud tindakan mempromosikan sesuatu yang hendak dipasarkan. Melalui definisi tersebut, promosi dan iklan adalah satu terma yang saling berkait rapat. Terdapat banyak kelebihan daripada usaha pengiklanan yang boleh didapati. Antaranya ialah dapat memberi maklumat dan penerangan dengan mudah (Mohd Shahrin SN, 2014). Oleh yang demikian, cadangan terhadap promosi dan pengiklanan ini telah mendapat respon yang tinggi dalam soal selidik. Antara cadangan yang diberikan oleh responden ialah:

- a) Memberi taklimat kepada semua pekerja di semua intitusi sama ada pejabat kerajaan mahupun swasta;
- b) Mewajibkan semua ahli kariah menjadi ahli;
- c) Mengadakan carta organisasi yang tersusun;
- d) Menambahkan aktiviti pendedahan yang menarik terhadap orang awam;
- e) Menguar-uarkan kepentingan dan manfaat SWKK dengan cara yang pelbagai seperti media sosial atau ceramah khusus;
- f) Promosi yang lebih giat di masjid untuk memupuk kesedaran ahli kariah;

- g) Menyediakan info grafik di setiap tiang masjid agar orang awam boleh faham mengenai SWKK dengan jelas (fungsi, AJK yang bertanggungjawab, kepentingan dan lain-lain);
- h) Perlu memberi informasi mengenai kepentingan SWKK kepada ahli kariah dgn lebih kerap;
- i) Menyediakan satu '*board*' di pintu masuk kubur dan pameran nama-nama AJK, jawatan, tugas dan nombor telefon untuk dihubungi dan;
- j) Memperjelaskan proses SWKK yang perlu dibuat oleh ahli kariah dalam bentuk '*flow mind map*'.

Aspek terakhir ialah aspek promosi yang merupakan teras utama dalam memberi pengetahuan dan kefahaman SWKK terhadap masyarakat. Terdapat beberapa cadangan dan saranan yang telah diajukan oleh pihak responden kepada pihak pengurusan SWKK. Antaranya ialah dengan memberi taklimat mengenai SWKK di semua institusi seperti di pejabat kerajaan, swasta dan lain-lain. Selain itu, pihak pengurusan SWKK juga perlulah mewajibkan semua ahli kariah untuk menyertai SWKK. Namun, ia memerlukan kepada pelan yang lebih terancang bagi memastikan kesemua ahli mampu memberi komitmen terhadap bayaran caruman SWKK.

Seterusnya, membentuk carta organisasi serta iklan yang menarik terhadap SWKK agar mampu menarik minat ahli kariah untuk mengetahui perkara tersebut dengan lebih mendalam. Misalnya meletakkan infografik, peta minda, carta organisasi yang jelas dan tersusun serta pelbagai lagi. Rentetan itu, aktiviti promosi yang lebih giat dan menarik juga perlu diperluaskan sama ada melalui media sosial ataupun program imarah masjid bagi mempromosikan SWKK dengan lebih efektif dan inovatif.

3.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kepada keputusan data terhadap soalan-soalan di atas, hasil keputusan menunjukkan bahawa pengurusan SWKK di negeri Selangor berada di tahap yang memuaskan namun masih perlu untuk ditambah baik dari semasa ke semasa. Pengetahuan dan keterlibatan penduduk terhadap SWKK turut menggalakkan akan tetapi masih belum mencapai tahap yang cemerlang. Ini kerana, data menunjukkan majoriti individu yang berada dalam golongan belia merupakan individu yang “tidak tahu” dan “tidak faham” akan keperluan dan kepentingan SWKK. Selain itu, terdapat beberapa responden yang menyatakan bahawa pengurusan jenazah serta kutipan dan agihan SWKK berada pada tahap yang tidak cemerlang. Tambahan lagi, isu-isu yang dilalui oleh ahli kariah dilihat perlu untuk diberi perhatian merangkumi isu bayaran, kutipan, agihan, hebahan dan promosi.

Berikutan daripada itu, cadangan dan saranan yang diberikan oleh ahli kariah turut boleh dinilai dan dipertimbangkan akan kerelevanannya dalam membuat penambahbaikan terhadap pengurusan SWKK pada masa akan datang. Pada penelitian pengkaji, usaha terhadap pemerkasaan SWKK merupakan usaha yang murni kerana SWKK merupakan platform yang sangat dekat dengan ahli kariah dalam perihal pengurusan jenazah. Padanya terangkum elemen nilai-nilai murni yang menjadi bukti kesatuan umat Islam dalam membantu saudara seagama sama ada terhadap individu yang telah meninggal dunia mahupun ahli waris yang ditinggalkan oleh jenazah.

Oleh yang demikian, aspek utama yang ditekankan dalam bab ini seperti pengurusan SWKK yang profesional, hebahan dan promosi yang padu serta agihan manfaat yang menarik dapat menghasilkan satu model yang mantap dalam tadbir urus SWKK. Hal ini kerana, pengurusan kewangan yang profesional dalam SWKK dapat

memastikan bahawa sumber kewangan diurus dengan baik dan telus akhirnya pemberian manfaat SWKK akan terjamin dan mencukupi kepada setiap ahli SWKK. Seterusnya, dengan pengiklanan dan hebahan yang mantap, SWKK dapat dipromosikan dengan lebih berkesan dengan memberi kesedaran kepada individu tentang kepentingan dan manfaat SWKK. Akhir sekali, manfaat yang menyeluruh terhadap pembiayaan kos pengurusan jenazah dapat memberikan ketenangan kepada keluarga yang ditinggalkan tanpa perlu berasa kluatir mengenai isu kos pembiayaan pengurusan jenazah lebih-lebih lagi kepada mereka yang kurang berkemampuan dan tidak mempunyai simpanan.

